

PEMILIKIR

MEMBANGUN MINDA BERWAWASAN

Imej Umat Islam Amerika Pascaperistiwa 11 September

Rosnani Hashim

Perbezaan Dasar Luar Negara
Menurut Barat Dengan Islam
Mohd. Nasran & Muhammad Faisal

Mengatasi Kelayuan
Mahasiswa
Abdul Latif Samian

Euro Sebagai Mata Wang
Antarabangsa
*Ahmad Zafarullah &
Mukaramah Harun*

Pendemokrasian Pendidikan
Dalam Konteks
Kepentingan Nasional
Ahmad Rizal Selamat

Identiti, Imej dan Reputasi Korporat

Bahtiar Mohamad

Pengaruh Bomoh Dalam
Masyarakat Melayu
Sharifah Softiah Atiqah

Gangguan Seksual:
Sikap Terhadap Wanita dan
Proses Sosialisasi
Sabitha Marican

Amalan Syura Dalam
Kehidupan Berkeluarga
*Wazin Othman &
Zawawi Abu Bakar*

Gaya dan Tema Kartun
Editorial Melayu
Muliyadi Mahamood

Perkembangan Teori Lukisan Kanak-Kanak
Bustam Kamri

PEMILIKIR JULAI - SEPTEMBER 2003 • BILANGAN 33 PP8381/4

NDUNGAN MENARIK

isu akan datang

- Pendekatan Integratif Nilai-nilai Islam Dalam Sistem Pendidikan
Sidek Baba
- Negara Perlukan Sumber Bekalan Air Bersih
Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Hamidi Ismail
- Militan Tamil-Sinhala Ancam Politik Sri Lanka
Azharudin Mohamed Dali

Banyak lagi rencana menarik.
Tempah segera.

Berlanggan sekarang, anda diberi diskaun
40% - dan **PERCUMA**
sebuah folder Pemikir

Hubungi Pemasaran Bahagian Langganan:

Tel: 03- 8926555 samb. 4046 (RABIAH),
4051 (HAJINA), 4054 (JAYA)
Faks: 03- 89265048
E-mail: langgan@utusan.com.my.

Imej Umat Islam Amerika Pascaperistiwa 11 September

Rosnani Hashim

PENDAHULUAN

11 September, 2001 merupakan satu detik bersejarah dalam tawarikh manusia. Pengeboman World Trade Center dan Pentagon dilakukan ke atas penduduk awam di tanah air mereka sendiri tanpa didahului dengan sebarang perisytiharan perang. Ini jauh berbeza dengan peperangan-peperangan yang berlaku sebelum peristiwa ini. Peristiwa ini suatu yang tidak mempunyai misalan seumpamanya dalam dunia, bukan dari segi magnitud, tetapi dari segi sasaran. Serangan dahsyat oleh pegganas-pegganas ini melanggar undang-undang antarabangsa dan mengubah politik dunia dengan mendalam. Peristiwa 11 September juga amat bersejarah dalam erti kata ia telah disiarkan secara langsung ke semua penjuru dunia sehingga imej-imejnya yang jelas tercatat dalam kenangan manusia buat selama-lamanya.

PROF. MADYA

DR. ROSNANI HASHIM

adalah seorang Profesor Madya bidang Falsafah dan Sosiologi Pendidikan di Pusat Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau memperoleh Ph.D dari Universiti Florida, Gainesville pada tahun 1994 dan pernah menjadi Ketua Jabatan Pendidikan UIAM dari 1996-1999 dan Dekan Kulliyah Pendidikan UIAM dari 1999-2001. Beliau aktif dalam menulis makalah menyentuh isu Islamisasi Kurikulum, Ilmu Pengetahuan dan Pendidikan dan kini memegang tugas Penolong Editor, *Jurnal Pendidikan Islam*. Antara karya beliau ialah *Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice* (Oxford University Press, 1996), *Ekonomi dan Pendidikan dari Perspektif Islam* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000).

Pengerusi Eksekutif
Tan Sri Kamarul Ariffin

Ketua Pengarang Kumpulan
Khalid Mohd.

Tim. Ketua Pengarang Kumpulan
Hamzah Sidek

Ketua Bahagian Majalah
Maimunah Yusof

Lembaga Editorial

- Ghazali Shafie ● Dr. Noordin Sopiee ● Khalid Mohd.
- Hamzah Sidek ● Mohamad Abu Bakar

Penyelaras Pemikir

Zin Mahmud
zinmahmud@yahoo.com

Ketua Pembaca Pruf Majalah

A. Latiff Yusoff
latiffpemikir@yahoo.com

Ketua Unit Reka Bentuk

Kamaruddin Abu Bakar

Penolong Ketua Unit Reka Bentuk

Yusof Wahid

Konsep dan Reka Letak

Abdul Rashid Abdul Aziz
Azmi Mukhtar

Pemikir diterbitkan empat kali setahun oleh Utusan Melayu (Malaysia) Berhad dengan kerjasama



Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) dan jurnal Foreign Affairs

Urusan Langganan

Jabatan Pemasaran,
Utusan Melayu (Malaysia) Berhad,
Peti Surat 48, 43007 Kajang, Selangor.

Tel: 03 - 89265555 Faks 03 - 89265068/03 - 89265064

Pengarah Eksekutif Kumpulan

Mohd. Nasir Ali

Pengurus Besar Pemasaran/Pengedaran

Wee Teck Kee

Pengurus Kanan Promosi Produk, Pemasaran

Latifah Hamzah

Urusan Pengiklanan

Utusan Media Sales Sdn. Bhd.,

11A, The Right Angle, Jalan 14/22, 46100 Petaling Jaya, Selangor
Tel.: 03-7956 2121

Pengarah Urusan

Adi Satria Ahmad

Pengurus Besar (Cetak)

Abdul Rashid Jamil

Pengurus Kanan Iklan (Majalah)

Sulaiman Abdullah

Urusan Surat-Menyurat

Pengarang Pemikir,

No. 18, Jalan 6/91,

Taman Shannellin Perkaasa

56100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-9285 5555

Urusan Percetakan

Utusan Printcorp Sdn. Bhd.

Lot 6, Jalan Perusahaan 10,

Kawasan Perindustrian Bangi, Seksyen 10,

Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi Selangor.

Tel: 03-89264141 Faks: 03-892555888

Walaupun hampir setiap orang merasa terkejut dan sedih mengenangkan mangsa peristiwa ini, namun ramai juga pemerhati seluruh dunia yang mengalami emosi yang lebih kompleks. Kebanyakan umat Islam berkongsi perasaan yang serupa apabila menyaksikan peristiwa ini. Mereka berdo'a bersungguh-sungguh agar penyerang itu bukan daripada golongan umat Islam sebab mereka faham daripada pengalaman yang lepas bahawa sudah tentu orang Islam akan dipersalahkan. Ketika bangunan Federal Murrah di Oklahoma City dibomb pada tahun 1995, orang Islam telah dituduh melakukan serangan itu sebelum sebarang bukti diperolehi. Tuduhan itu menyebabkan orang Islam diserang, diugut dan dihina. Apabila Timothy McVeigh, penjenayah yang sebenar diberkas, tidak ada sebarang permohonan maaf dihulurkan kepada individu Islam yang diserang, kepada masyarakat Islam di Amerika, mahupun masyarakat Islam seluruh dunia.

Umat Islam dari seluruh pelosok dunia mengutuk serangan 11 September - tanpa mengira kepercayaan atau bangsa penyerang - sebab perbuatan membunuh orang awam dan menyerang tanpa mengemukakan perang itu memanglah bercanggah dengan roh al-Quran. Peraturan Islam tentang amalan peperangan dengan jelas sekali menolak prinsip 'matlamat menghalalkan cara'. Al-Quran melarang menghukum secara kolektif tanpa membezakan di antara yang bersalah dan yang tidak berdosa. Setiap individu bertanggungjawab ke atas perbuatannya dan tidak ada individu yang harus memikul dosa orang lain. Islam menolak keganasan tanpa sebarang sebab, dan menganggap jiwa manusia sebagai suci. Perbuatan membunuh seorang insan secara haram dianggap satu pencerobohan terhadap seluruh kemanusiaan seperti yang ditegaskan dalam al-Quran: "*Barang siapa yang membunuh seorang manusia, bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain, atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya.*"¹ Keganasan cuma dibenarkan dalam al-Quran untuk menentang penindasan dan mempertahankan orang yang ditindas.²

Semenjak September 2001, sarjana Islam daripada pelbagai

pemikiran dan aliran telah mengutuk serangan itu sebagai satu perbuatan pencerobohan sebab ia telah mengorbankan ribuan nyawa yang tidak berdosa dan menakutkan ramai orang awam lain. Mereka menegaskan bahawa tindakan terkutuk itu tidak mendapat sebarang justifikasi dalam syariah, bahawa penyerangnya wajar dikutuk dan dipertanggungjawabkan, bahawa mangsa serangan itu wajar menerima simpati orang ramai, seperti mana juga mangsa sebarang pencerobohan seperti mangsa yang tidak berdosa di Palestin, Afghanistan, Chechnya, Iraq dan Kashmir.

Identiti sebenar arkitek, pengarah dan penyerang 11 September ini masih menjadi satu misteri, sebagaimana juga dengan motif mereka. Adakah serangan itu kerana sentimen anti-Amerika yang kuat, kemarahan terhadap isu Israel-Palestin yang masih tidak terungkai, pergelutan antara golongan Islam ekstrem dan sederhana, atau adakah lagi agenda tersirat yang lain? Benarkah Osama Bin Laden, perancang utama seperti yang didakwa oleh Amerika? Perlu difikirkan bahawa persoalan asas yang penting ini belum lagi terjawab dalam pemikiran kebanyakan orang di seluruh dunia. Khususnya, kebanyakan umat Islam mempercayai bahawa serangan itu mungkin dirancang oleh Agensi Perisikan Pusat (CIA), pihak Zionis atau kumpulan bukan Islam yang berusaha untuk menjatuhkan Islam dan umatnya. Syak wasangka ini muncul daripada kepercayaan umum bahawa dasar kerajaan Amerika dan masyarakat Amerika sangat prejudis dengan umat Islam, seperti yang akan diuraikan seterusnya.

Serangan 11 September merubah kehidupan umat Islam di Amerika, kepada satu keadaan yang lebih sukar. Satu tinjauan pendapat awam yang dijalankan oleh Zogby International dan Hamilton College di New York menerangkan kesulitan yang dihadapi oleh umat Islam di Amerika. Tinjauan itu mendedahkan bahawa masyarakat Islam mengalami tekanan yang cukup kuat kesan daripada ketakutan bahawa mereka juga dianggap bersalah berdasarkan kaedah asosiasi, iaitu pernah berinteraksi dengan penyerang 11 September itu. Mereka melaporkan mengalami kekasaran dan kekesatan bahasa, ditolak dan dikasari, dan diberi pandangan hina tiga kali lebih tinggi daripada

tahap sebelum peristiwa itu.³

Seorang Amerika keturunan Mesir yang bertemu dengan mantan Presiden Bill Clinton pada hari pertama beliau menemui orang ramai di pusat krisis, jelas sekali mengungkapkan rasa diri dianggap sebagai berbahaya dan berbeza. Orang itu dengan linangan air mata berkata, "Saya seorang Amerika berketurunan Mesir dan beragama Islam dan saya benci terhadap apa yang berlaku, lebih lagi daripada kamu, dan saya sangat khuatir rakyat Amerika tidak akan mempercayai saya lagi."⁴ 11 September menjadi penghalang kepada pengintegrasian umat Islam ke dalam masyarakat Amerika secara positif dan menafikan mereka dan jiran Barat mereka daripada manfaat membina jambatan dialog dan perdamaian antara peradaban mereka.

Walaupun pasca 11 September meninggalkan banyak kesan negatif, sebenarnya ia juga meninggalkan beberapa kesan positif. Tinjauan Zogby/Hamilton juga mendapati bahawa ramai umat Islam yang tinggal di Amerika Syarikat telah dihipir oleh warga bukan Islam yang menyatakan sokongan terhadap mereka secara peribadi dalam menghadapi gejala-gejala pasca 11 September. Orang ramai amat ingin tahu tentang sifat agama orang Islam ini yang memperkasakan pengikutnya, khususnya, di kalangan belia supaya berjalan dengan tenangnya menuju kematian, mengorbankan nyawa mereka dan segala apa yang mereka miliki bagi mempertahankan prinsip yang mereka dokong. Ramai rakyat Amerika Syarikat terpenggil oleh perasaan ini dan berusaha mempelajari tentang Islam. Malahan kitab al-Quran menjadi buku terlaris (*bestseller*)! Banyak institusi di Amerika seperti gereja, universiti, sekolah dan masyarakat sekeliling mula menjemput umat Islam untuk berceramah tentang Islam. Buat pertama kali, Islam dibincang di khalayak umum dan diberi masa ke udara dalam program *talkshow* seperti *Oprah*.

Peristiwa 11 September ini tidak seharusnya dilihat sebagai satu serangan ke atas Amerika Syarikat sahaja. Ia juga ditujukan kepada golongan Islam moderat dan demokrat di seluruh dunia. Robert Hefner menegaskan bahawa keganasan ialah satu bahagian daripada perjuangan yang lama antara golongan Islam moderat dan golongan

Islam radikal bagi memenangi hati dan akal umat Islam. Hujahnya, "Tidak ada 'pertembungan peradaban' antara Islam dan Barat. Pertembungan yang sebenarnya, yang akan menentukan sedang berlaku dalam peradaban Islam, di mana golongan ultra-konservatif bertembung dengan golongan moderat dan demokrat bagi merebut roh umat Islam amnya."⁵

Abdullah Ahmad mengiakan dakwaan beliau dan menyatakan: "Selepas 11 September, terdapat satu pergelutan bagi merebut roh Islam." Tragedi 11 September adalah satu contoh yang baik tentang apa yang boleh berlaku sekiranya golongan moderat terus membius dan membiarkan Islam untuk dirampas oleh mereka yang hampir menyerupai Taliban.⁶

Zaman pasca 11 September menimbulkan kesedaran di kalangan organisasi dan persatuan Islam bahawa sekarang bukanlah masa untuk bercakaran sesama sendiri tetapi untuk merenung dan memberi tumpuan kepada cabaran dan ancaman baru Barat, khususnya Amerika Syarikat. Sememangnya penting bagi organisasi Islam mengadakan lebih banyak dialog sesama sendiri dan bersatu. Misalnya, usaha ABIM dan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menemukan kedua-dua pemimpin UMNO dan Pas pada 8 Mei 2002 bagi memberi pandangan mereka terhadap bahaya luar yang mengancam dunia Islam, bersatu menghadapi Palestin dan meminimumkan perbezaan politik adalah satu usaha yang baik dan simbol baru perpaduan Melayu Islam. Imej Islam dan umatnya yang diputar belit di Barat.

Satu daripada hambatan yang paling besar bagi umat Islam sederhana ialah cara Islam digambarkan di Barat. Serangan 11 September memalingkan tumpuan umum di Amerika kepada persoalan: "Kenapa mereka bencikan kita? Apa pendapat umat Islam terhadap orang Nasrani dan Yahudi? Adakah Islam satu agama yang sememangnya ganas? Adakah Islam menentang pemodenan?"⁷

Soalan ini serta-merta dikaitkan dengan imej Barat yang lazimnya negatif terhadap Islam dan umatnya. Menurut Armstrong, "11 September telah mengesahkan pandangan berkurun lamanya terhadap Islam, yakni Islam sememangnya ganas dan tidak bersikap toleran

terhadap orang lain.⁹⁸ Islam dilakukan seperti satu agama yang sempit dan keras dan pengikutnya sebagai golongan fanatik yang tidak bertoleransi, yang bencikan kesejahteraan, demokrasi dan kebebasan Barat.

Satu contoh pemikiran sedemikian dapat dilihat daripada teori Samuel Huntington tentang 'pertembungan peradaban'. Beliau mendakwa bahawa: "Punca asas bagi konflik dalam dunia baru ini kelak bukanlah ideologi atau ekonomi. Perpecahan besar di kalangan manusia dan punca konflik yang berpengaruh ialah kebudayaan. Negara-negara berteraskan bangsa akan terus menjadi pelakon paling utama dalam hal ehwal dunia, tetapi konflik utama dalam politik global akan berlaku di antara negara-negara dan kumpulan daripada peradaban yang berbeza. Garisan keretakan antara peradaban akan menjadi garis peperangan masa depan."⁹⁹

Huntington sebenarnya menyandarkan teorinya pada Islam dan umatnya yang dominan di Barat, iaitu mereka adalah golongan fundamentalis yang membawa pengertian mundur, penentang kemajuan, antisains, antiintelektual, antimoden, pengamal ritus, literalistik dan menindas wanita. Umat Islam juga digambarkan sebagai terlalu dogmatik dan tidak memajukan penerokaan saintifik yang terbuka. Mereka sama ada mengesahkan orde sedia ada, atau menyeru supaya kembali ke orde sosial yang lampau di mana hubungan kelas dan gender harus dijelaskan bersesuaian dengan kehendak Ilahi. Serangan 11 September menghidupkan kembali idea 'pertembungan peradaban' dan yang paling penting ia mengejutkan umat Islam secara keras.¹⁰ 11 September mengukuhkan lagi aliran yang semakin deras pada tahun 1990-an, di mana istilah 'terrorism' atau kepengganasan semakin kerap digunakan ke atas umat Islam dan lebih sering dikaitkan dengan Islam. Sebaliknya apabila seseorang individu atau kumpulan bukan Islam melakukan keganasan, jarang sekali agamanya dikaitkan -seperti dalam kes Timothy McVeigh- walhal apabila seorang keturunan Arab, Iran atau Afghanistan melakukan perkara yang serupa, Islam sebagai satu agama turut diseret. Kita tahu bahawa pengganas wujud dalam pelbagai budaya dan Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS)

menyenaikan kerajaan yang mendukung kepengganasan pada tahun 1995 yang meliputi kedua-dua negara Islam (Iran, Iraq, Libya, Syria dan Sudan) dan bukan Islam (Korea Utara dan Cuba). Namun imej umat Islam sebagai pengganas turut juga meningkat.

Walaupun retorik 'pertembungan peradaban' ini mempunyai sejarah yang lama, kebanyakan umat Islam yakin bahawa analisis ini menunjukkan hasrat Amerika Syarikat mengamalkan hegemoni mutlak dengan mengekalkan kuasa ekonomi dan ketenteraannya, sejak tamatnya Perang Dingin dan hancurnya Soviet Union. Dengan kata lain, menggambarkan Islam sebagai satu peradaban asing adalah satu sikap politik yang menafikan kesahihan kuasa politik golongan lain. Satu cara paling mujarab untuk menafikan kesahihan pandangan politik Islam ialah dengan memajukan idea persamaan antara Islam dan kepengganasan melalui ancaman golongan fundamentalis. Inilah tema utama ahli akademik dan politik Zionis semenjak awal tahun 1990-an.¹¹

Dalam satu makalahnya, Rached al-Ghannouchi, pemimpin Pergerakan Islam Tunisia menegaskan bahawa pemimpin Zionis seperti Yitzhak Rabin, Shimon Perez dan Benjamin Netanyahu membuat hujah ini dan memberi sokongan rasmi Israel ketika berucap di Parlimen Eropah dan di tempat-tempat lain. Isu politik yang paling ketara bagi umat Islam ialah perjuangan penduduk Palestin. Di bawah pengaruh Zionis, media Amerika menggambarkan perjuangan penduduk Palestin untuk membebaskan tanah air mereka sebagai tindakan kepengganasan. Kadang-kadang ia juga menghinakan Islam sebagai satu agama yang cenderung kepada keganasan dan per-tumpahan darah.¹² (Pencerminan Islam sebagai 'agama di hujung pedang' mengabaikan sejarah yang lama dan pelbagai dalam pengembangan agama Islam. Sejarah pengembangan Islam yang aman ini memang diketahui di seluruh dunia kecuali di Amerika Syarikat).

PEREBUTAN ROH ISLAM

11 September mempunyai impak yang boleh merosakkan masa depan masyarakat Islam antarabangsa dalam erti kata ia memberi ruang untuk menyebarkan propaganda dan mengaitkan hubungan antara Islam dan kepenggunaan.¹³ Hubungan antara kelompok Islam fundamentalis dengan kepenggunaan berjalan seiring dengan peningkatan konfrontasi antara pergerakan Islam - ekstremis dan sederhana - dan kerajaan mereka di banyak negara Islam seperti Tunisia, Mesir dan Algeria. Rejim negara ini yang kurang mendapat sokongan rakyat majoriti melalui sistem demokrasi, menggunakan ancaman fundamentalis sebagai satu alasan untuk mengadakan dasar-dasar menindas rakyat mereka sendiri. Kerajaan ini enggan mengambil sebarang langkah ke arah mewujudkan demokrasi dalam negeranya tetapi terus menggunakan slogan 'menundukkan ancaman fundamentalis', khususnya apabila negara Barat liberal menekan mereka untuk bersikap lebih terbuka. Dalam pembicaraannya dengan duta Amerika tentang ketiadaan demokrasi di Mesir, Presiden Mubarak berkata, "Sistem demokrasi yang sebenarnya akan mengembalikan kuasa kepada golongan fundamentalis seperti yang berlaku di Algeria dan ini tidak akan menjaga kepentingan Amerika."¹⁴ Lebih-lebih lagi, demokrasi juga tidak akan menjaga kepentingan Mubarak. Seperti pemimpin lain di Timur Tengah, beliau mengangap pergerakan Islam ini sebagai satu ancaman terhadap autoritinya dan oleh demikian bersepakat untuk mengusahakan keseimbangan Barat terhadap ancaman golongan fundamentalis ini. Walaupun mereka beragama Islam, mereka menggalakkan pemomokan Islam sebagai pengganas di Barat.

Aliran ini telah diperkuatkan lagi dengan serangan 11 September dan seterusnya operasi 'perang terhadap kepenggunaan' yang dimulakan oleh Amerika. Operasi 'perang terhadap kepenggunaan' ini telah digunakan oleh beberapa negara Islam yang dipimpin oleh rejim yang tidak mendapat sokongan yang sah daripada rakyat melalui peti undi untuk meletakkan mereka di 'kem yang baik', iaitu kem yang

memerangi kepenggunaan. Ini telah memberi mereka peluang untuk memprojeikkan diri mereka sebagai model terbaik dalam mencegah dan menangani kepenggunaan. Selepas 11 September, Mesir, Tunisia dan Malaysia mendapat pujian daripada Amerika kerana pengalaman dan keseriusan menangani kepenggunaan dan penyertaan dalam perikatan yang menentang kepenggunaan, walaupun rekod negara tersebut dalam pencabulan hak-hak kemanusiaan terhadap musuh politik dianggap buruk oleh *Amnesty International*. Pihak berkuasa di Malaysia telah menahan beberapa orang umat Islam berdasarkan kesangsian bahawa mereka mempunyai hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan Islam yang menentang kerajaan ataupun hubungan dengan al-Qaeda kerana kehadiran mereka di Afghanistan semasa peperangan dengan Rusia atau di Bosnia atau di Chechnya. Di Malaysia juga, beberapa orang telah ditahan tanpa perbicaraan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Mereka didakwa menjadi ahli Kumpulan Militer Malaysia.¹⁵

Justeru, 11 September seolah-olah memberi lesen kepada kerajaan negara Islam tertentu untuk memerangi kepenggunaan dalam negara dengan lebih giat lagi. Tindakan ini meningkatkan lagi konflik antara umat Islam dengan kerajaan mereka. Contohnya, Jeneral Pervez Musharraf dari Pakistan mengalami tekanan konflik apabila beliau bersetuju untuk bekerjasama dengan Amerika dalam 'perang menentang kepenggunaan' dengan membenarkan negara itu menggunakan negaranya sebagai pangkalan tentera. Beliau terpaksa mengawal rakyatnya daripada mencetuskan huru-hara. Walaupun Arab Saudi memang terkenal dari dahulu sebagai sekutu Amerika Syarikat dalam Perang Iran-Iraq dan Perang Teluk, ia terpaksa menolok memberi pangkalan kepada tentera Amerika kerana khuatir akan kebangkitan rakyatnya. Dengan pengertian lain, 11 September telah mengetepikan prinsip-prinsip demokrasi demi 'perang menentang kepenggunaan'.

Hampir semua negara Islam, termasuk Malaysia menghadapi perebutan antara golongan Islam sederhana dan golongan radikal. Pada peringkat awal kemerdekaan Malaysia iaitu pada lewat 1950-an,

parti masih belum boleh menghuraikan isu sosial dan politik secara bijaksana tanpa melibatkan fitnah atau tohmahan kepada peribadi ataupun perselisihan agama.

Mungkin kesan yang paling serius daripada stereotaip Barat terhadap Islam dan keagalannya memahaminya perkembangan agama ini dalam konteks politik dan sosial sejagat ialah pengukuhan versi Islam yang ekstrem. Ini menimbulkan kesulitan bagi golongan Islam sederhana. Golongan fundamentalis timbul hasil daripada cabaran yang dihadapi oleh umat Islam terhadap modeniti, penjajahan dan pabaratan. Ia bertindak sebagai satu penyelesaian kepada persoalan bagaimana menyesuaikan diri dalam kehidupan moden tanpa mengetepikan nilai dan tasawur Islam. Oleh demikian, ia satu persoalan tentang keseimbangan. Di antara agama besar di dunia ini, Islamlah satu-satunya yang tidak membezakan antara ruang sekular dan ruang agama, antara dunia dan akhirat. Natijahnya, kedua-dua masalah politik yang timbul daripada penjajahan, dan masalah ekonomi yang terbit daripada neo-kolonialisme pimpinan globalisasi Barat dialami sebagai masalah agama. Golongan fundamentalis menegaskan semula Islam sebagai satu cara hidup, dan kepentingan dan kerelevanan Islam di kedua-dua ruang awam dan ruang peribadi. Ia adalah satu cara menghadapi cabaran kehidupan sekular dan satu usaha untuk mentakrif prinsip-prinsip asas sistem agama itu dan menghayatinya.¹⁷ Fundamentalisme Islam ialah satu usaha untuk memahami, menafsir dan menterjemah al-Quran dan hadis bersesuaian dan relevan kepada konteks masyarakat hari ini. Tetapi bagaimanakah untuk melakukannya dengan tepat adalah tajuk perdebatan di kalangan umat Islam. Sebahagian besar umat Islam yakin bahawa roh fundamentalisme Islam yang hakiki menolak taqlid dan menggalakkan ijthad. Oleh itu, berbeza dengan fundamentalisme Kristian, Yahudi atau Hindu, fundamentalisme Islam berpandangan jauh, rasional, saintifik dan bukan antimoden. Lebih lagi daripada agama lain, Islam amat prihatin tentang keadilan sosial terutamanya terhadap perjuangan kontemporari ke atas ancaman globalisasi.

Salah faham terhadap fundamentalisme Islam ini telah dikaji

perebutan utama adalah antara golongan Islam sederhana dan golongan nasionalis, sekular. Majoriti umat Islam tinggal di luar bandar dan kerajaan berjiwa nasionalis telah melancarkan program pendidikan massa dan modenisasi. Kerajaan nasionalis menundukkan prinsip Islam kepada ideologi sekular. Pada tahun 1970-an dan 1980-an, berlaku fenomena kebangkitan Islam di seluruh dunia Islam. Hefner menjelaskan bahawa literatur tentang Islam mula mudah diperolehi oleh orang awam "Melalui pendidikan umum dan pemasaran buku-buku murah tentang Islam secara meluas." Kesannya, "Walaupun mereka kurang layak sebagai ulama, ramai umat Islam berpendapat bahawa mereka juga mempunyai hak untuk menentukan bentuk dan makna kepercayaan mereka." Melalui perubahan ini dan perkembangan lain, masyarakat Islam mula melihat peningkatan "Persaingan dan peraduan untuk penafsiran agama dan pengawasan institusi formal dan bukan formal, yang melahir dan mempertahkannya."¹⁶ Perdebatan makna Islam semakin menjadi tumpuan umum.

Dalam konteks Malaysia, UMNO, parti pemerintah dan Pas, parti pembangkang berusaha untuk mendapat sokongan umat Islam dari platform yang berbeza. Parti UMNO melambangkan dirinya sebagai berwajah sederhana dan moden sementara Pas memprojeikkan imej yang konservatif dan keras, yang menekankan penafsiran harfiah dan ingin melaksanakan undang-undang hudud secepat mungkin. Kedua-duanya bertelagah sama ada Malaysia sebuah negara Islam tetapi masih belum bersedia untuk memperincikan konsep dan sifat negara Islam tersebut. Abdullah mendakwa bahawa Pas bertanggungjawab mewujudkan sentimen anti-Islam di Malaysia dengan mengutamakan pelaksanaan hukum hudud daripada menekankan kebijakan atau masalah awam sebagai matlamat terakhir tindakan politiknya. "Inilah asal usul kebanyakan dilema palsu, perpecahan politik dan budaya membenci dalam negara." Bagaimanapun parti pemerintah juga tidak terlepas daripada tanggungjawab ini kerana ia juga memukul Pas dari setiap sudut menerusi media, menafikan mereka ruang untuk menerangkan prinsip dan tindakannya. Dengan kata lain, kedua-dua

oleh Esposito yang menegaskan bahawa, "Gambaran yang kerap dipamerkan ialah golongan revolusioner yang radikal, tersisih dan ganas, berpakaian tradisional dan berjuang menentang pemodenan." Apayang pembaca tidak diberitahu ialah majoriti daripada pertubuhan fundamentalis ini berpusat di kawasan bandar dan dipimpin oleh pemimpin yang berpendidikan tinggi yang menarik pelajar dan pengikut dan mempunyai kedudukan dalam profesion tertentu (kejuruteraan, sains, perubatan, perundangan, pendidikan dan ketenteraan) atau mereka ini menawarkan perkhidmatan sosial dan kesihatan dan telah berfungsi secara berkesan dalam sistem politik [negara] itu.¹⁸

Islam bukanlah satu agama monolitik. Terdapat kepelbagaian dalam pemahaman Islam di kalangan pengikutnya. Justeru, kepercayaan yang dipegang oleh segolongan minoriti radikal tidak seharusnya menenggelami apa yang dipegang oleh majoriti umat Islam yang sederhana.

KEADILAN SOSIAL DAN KONTEKS POLITIK

Dalam tesis pertembungan peradaban oleh Huntington, tema keadilan sosial tidak kelihatan langsung. Menurut *United Nations Development Report* tahun 1999, pengunapakaian hampir satu bilion penduduk dalam 70 buah negara berkurangan hari ini berbanding 25 tahun lalu; golongan 20 peratus terkaya daripada penduduk dunia hari ini mengguna pakai hampir 86 peratus daripada semua guna pakai peribadi, sementara golongan 20 peratus termiskin cuma mengguna pakai 1.3 peratus.¹⁹

Statistik yang kejam ini melatari sebahagian daripada tempat meletusnya konflik terbesar antara umat Islam dan Barat. Perjuangan Palestin adalah satu contoh. Bagi mereka menggunakan kekerasan adalah adil sebab mereka cuma bertindak balas kepada kuasa yang sama-sama atau lebih ganas lagi. Dinafikan daripada sebarang hak dan saluran yang berkesan untuk mendapatkan keadilan, ramai pejuang kemerdekaan Palestin terpaksa mengangkat senjata dalam perjuangan

mereka untuk memerdekakan negara mereka. Armstrong memahami situasi ini dengan tepat apabila beliau berhujah bahawa fenomena pejuang berani mati Palestin bersangkutan lebih lagi dengan politik dan kekecewaan daripada agama. "Saya tidak fikir bahawa ada orang yang duduk di rumah membaca al-Quran dan berkata, ya, saya mesti pergi menggembom Israel. Ini bukannya cara agama itu berfungsi, dan saya nampak kekecewaan yang mendalam apabila seseorang itu tidak mempunyai apa-apa lagi yang dikhuatiri akan hilang. Orang Palestin tidak mempunyai F-16, dan mereka tidak mempunyai kereta kebal. Mereka tidak mempunyai apa-apa untuk menandingi kelengkapan perang Israel. Mereka cuma ada jasad mereka."²⁰

Adalah tidak adil untuk melabel pejuang Palestin, Chechnya atau Kashmir sebagai penganas. Begitu juga rakyat Algeria yang berjuang menentang tentera yang merampas kemenangan parti *Islamic Salvation Front* (FIS) pada tahun 1992 bukanlah penganas. Memanglah mereka semua pernah menggunakan kekerasan seperti menggembom bas sekolah, merampas kapal terbang awam dan membunuh penumpangnya dan meletupkan tempat awam seperti restoran dan tempat ibadat, yang mengurangkan sokongan untuk perjuangan mereka. Bagaimanapun jika dianalisis dengan lebih dalam kita dapati bahawa dalam kebanyakan keadaan mereka hanya menggunakan keganasan sebagai satu tindak balas kepada keganasan pihak penguasa dan ketiadaan langsung saluran bagi menuntut keadilan. Selagi punca penganiayaan ini tidak diatasi, selagi itulah keganasan ini akan berlarutan. Selagi keganasan yang dilakukan oleh setiap pihak diiktiraf sebagai respons politik terhadap situasi yang dihadapi, selagi itulah tidak akan ada penyelesaian politik.

Operasi 'perang menentang keganasan' selepas 11 September, atau dengan kata lain, kepenganasan anjuran negara Amerika Syarikat memberi lebih banyak kebebasan bagi tentera pendudukan (*occupied forces*) di negara Islam seperti Palestin, Kashmir, China, Filipina dan Chechnya untuk menghancurkan pergerakan-pergerakan kemerdekaan di sana. Tentera ini menumpang semangkuk dalam propaganda Amerika dan menggambarkan situasi mereka hampir

serupa dengan kes serangan ke atas Amerika, dan menganggap Islam dan golongan Islam ekstrem sebagai musuh utama. Israel menghancurkan infitad Palestin dan mencengkam mereka. Ia dengan pantas meluaskan kawasan yang didudukinya di tanah Palestin yang dirampas. Orang Arab menganggap sokongan Amerika Syarikat terhadap Israel sebagai tidak sah. "Orang ramai tidak dapat bayangkan bagaimana Amerika mengetahui operasi peperangan menentang kepenggunaan dan pada waktu yang sama ia menyokong dan membenarkan keganasan yang dilakukan oleh orang Israel terhadap orang Palestin. Inilah dia talam dua muka."²¹

Amat malang sekali kerana media utama dan kerajaan di Barat menolak analisis bahawa perbuatan kepenggunaan ini melibatkan isu keadilan, penganiayaan dan kezaliman. Tanggapan dominan di dunia Islam ialah kerajaan Amerika mengunjurkan imej kumpulan Islam tertentu sebagai kumpulan penganas, dan umat Islam umumnya sebagai penganjur kepenggunaan demi memelihara kepentingan ekonomi dan politik mereka.²² Oleh itu kebanyakan umat Islam percaya bahawa kerajaan Amerika mentakrifkan Iran, Iraq, Sudan dan terbaru, Afghanistan sebagai negara yang mendukung kepenggunaan bagi melindungi kepentingan mereka. Dengan mengisytiharkan golongan fundamentalis Islam sebagai penganas, Amerika boleh melindungi pemimpin-pemimpin rejim yang tidak mengamalkan demokrasi di Timur Tengah daripada terus menindas rakyat mereka. Sebagai balasan, kerajaan Amerika Syarikat diberi sumber yang diingini, sama ada minyak atau hak untuk menggunakan kawasan tempatan sebagai pusat ketenteraan. Sejarah menunjukkan bahawa Amerika Syarikat pernah menyokong Shah Iran dan Kamal Idris, Raja Libya. Apabila rakyat mereka menggulingkan pemimpin yang didukung Amerika ini, Amerika bukan sahaja kehilangan kepentingan strategiknya di rantau itu dan genggamannya atas minyak di Timur Tengah, tetapi ia juga menggelarkan pemimpin baru negara tersebut sebagai melindungi kepenggunaan.

Umat Islam sedar bahawa keganasan oleh negara Barat yang berkuasa sering dilindungi dan disembunyikan dengan

menganggapnya bukan keganasan. Chandra Muzaffar, Presiden JUST, iaitu pertubuhan antarabangsa berpusat di Malaysia yang berusaha menyedarkan orang ramai tentang ketidakadilan yang wujud dalam sistem sejagat ini mempersoalkan, bukannya penggeboman Hiroshima dan Nagasaki satu tindakan keganasan - khususnya apabila Amerika telah diberitahu bahawa Jepun bersedia untuk menyerah? Dan bagaimana pula dengan bom di Vietnam, dan bahagian Laos dan Kemboja pada tahun 1960-an dan 1970-an? Bukannya tiga juta rakyat Vietnam terkorban akibat keganasan Amerika itu? Lebanon 1958; Libya 1986 dan Iraq 1991 - bukannya semua ini perbuatan kepenggunaan? Dalam setiap daripada tiga episod ini, bukannya Amerika berhasrat untuk menguasai dan mengawal, dan bukan kerana sesuatu prinsip keadilan yang mendorong kekuatan ketenteraannya?²³

Bukannya penggeboman ke atas sebahagian daripada Afghanistan tanpa memperdulikan kedaulatan negara itu dan undang-undang antarabangsa, semata-mata untuk melumpuhkan jaringan al-Qaeda dan lebih penting lagi menggulingkan kerajaan Taliban, satu lagi bentuk kepenggunaan Amerika?²⁴

Kepenggunaan Amerika Syarikat terhadap negara-negara kecil tanpa sebab yang kukuh samalah seperti satu bentuk penjajahan atau neo-kolonialisme. Kepenggunaan seperti ini yang membawa kemusnahan yang berleluasa di merata bahagian dunia, tetapi jarang sekali diiktiraf sebagai kepenggunaan sebab yang mentakrifkan istilah itu adalah mereka yang kuat, iaitu kuasa besar. Akibatnya beberapa perbuatan kepenggunaan - yang dilakukan oleh umat Islam - dikutuk, sementara yang dilakukan oleh yang berkuasa tidak disedari atau sering pula diwarnakan dengan pakaian moral untuk kebebasan atau hak kemanusiaan atau demokrasi. Keangkuhan negara yang berkuasa ini jelas sekali apabila Amerika Syarikat dan sekutunya menyerang Iraq secara unilateral dan ingin menggulingkan Saddam Hussein pula.

Semangat anti-Amerika sedang meningkat di negara Islam. Dasar Amerika selepas serangan 11 September cuma menambah minyak bagi menyemarakkan api kemarahan. Gelombang kemarahan dan

anti-Amerika di dunia Islam bermula dengan kemarahan terhadap cara Amerika Syarikat menangani isu Israel-Palestin. Penubuhan Israel pada tahun 1948, dan penerusan perluasan kuasa ketenteraan Israel mengakibatkan kezaliman yang berterusan terhadap Palestin. Perluasan pengaruh Zionis ini melibatkan 750,000 orang Palestin beragama Kristian dan Islam diusir dari kampung halaman mereka. Konflik ini melibatkan penghapusan etnik dan kepenggunaan negara terhadap penduduk awam di satu pihak dan tindakan gerila terhadap orang awam, dan bentuk pejuang beraniamati yang semakin meningkat, di pihak yang satu lagi. Walaupun pertumpahan darah ini telah berlarutan berdekad-dekad lamanya, tidak terdapat satu pun pakatan antarabangsa untuk menegakkan keadilan disebabkan kuasa lobi pro-Israel. Dasar Israel tidak dapat cabaran di Amerika Syarikat kerana kuasa atas peti undi dalam pilihan raya walaupun dasar itu meninggalkan kesan yang buruk terhadap kepentingan Amerika dan keseimbangan di Timur Tengah.²⁶ Inilah kekecewaan politik terhadap dasar AS di Timur Tengah dan bukannya kerana perbezaan agama.

Sentimen anti-Amerika ini juga dinyalakan oleh persepsi yang meluas bahawa pimpinan Amerika mengamalkan *double standard* dalam hubungannya dengan umat Islam. Dalam kebanyakan keadaan, daripada menyokong demokrasi dalam dunia Islam, kerajaan AS lebih takut kepada ancaman Islam yang monolitik dan oleh itu sering menyokong kerajaan yang menindas rakyat secara kejam. Ini secara tidak langsung menjadikan kepercayaan itu satu kebenaran (*self-fulfilling prophecy*). Kerajaan-kerajaan ini meliputi bekas Shah Iran, bekas Presiden Suharto dari Indonesia, Jeneral Musharraf dari Pakistan, dan putera-putera Arab Saudi yang dianggap oleh rakyat mereka sebagai melindungi kepentingan Amerika di dunia Islam dengan menindas golongan fundamentalis Islam, dan sering memberi minyak kepada negara Amerika yang dahagakan sumber itu. Amerika Syarikat menyokong pemimpin yang tidak diterima oleh rakyat mereka sendiri walaupun pemimpin itu gagal melaksanakan amalan yang bertentangan dengan prinsip perlembagaan Amerika yang berasaskan demokrasi. Tidak seorang pun daripada mereka membenarkan kebebasan berkata-

kata, kebebasan berserikat, kebebasan berhimpun, atau hak awai yang asasi. Justeru, Amerika dilihat sebagai meletakkan pemimpi yang tidak berjaya menawan hati rakyat sendiri tetapi sebaliknya menindas mereka. Ataupun, rakyat Amerika dianggap cum mengamalkan demokrasi di negara sendiri tetapi tidak ingi mendaulatkan prinsip itu di negara lain.

Bahaya yang besar daripada amalan ini ialah umat Islam seluruh dunia akan menyimpulkan bahawa demokrasi itu adalah satu ilu sahaja dan lebih baiklah menarik diri daripada proses politik. Akhirnya mereka akan lebih yakin bahawa kepenggunaan sahajalah jala penyelesaian.

Memang diketahui umum bahawa Osama Bin Laden menentan bersungguh-sungguh rejim di rantau Arab yang korup dan menindas rakyatnya, termasuk negara tempat tumpah darahnya Arab Saud yang dianggapnya tidak Islamik. Osama bencikan Amerika Syarikat sebab ia menyokong rejim-rejim ini.²⁶ Amerika dilihat bukan sahaja mengamalkan *double standard* dalam penyokongannya terhadap rejim yang kejam ini, tetapi juga dalam operasi 'perang menentan kepenggunaan'. Kepenggunaan adalah satu produk daripada budaya moden dan ini jelas sekali dalam kes Mujahidin Afghanistan yang dibentuk sebagai satu kuasa ketenteraan dalam usaha Amerika untuk menggulingkan pemerintahan Rusia di Afghanistan. Pada tahun 1980-an, pakatan Amerika-Arab Saudi-Pakistan telah diwujudkan dan madrasah telah diubah menjadi sekolah untuk melatih kader politik dan tentera. Dunia Islam sudah berkurun-kurun lamanya tidak melihat jihad peperangan, tetapi CIA Amerika mencetuskannya. Amerik Syarikat membantu merekrut dan membiayai Mujahidin yang fundamentalis itu, termasuk 30,000 sukarelawan muda yang datang ke Afghanistan daripada seluruh dunia Islam untuk memerangi komunisme pada tahun 1980-an. CIA mencari seorang fundamental agama untuk memimpin semua sukarelawan itu dan untuk mencipta satu alternatif politik kepada nasionalisme sekular di Afghanistan. Oleh kerana ia tidak berjaya mencari Putera Saudi yang sanggup melakukannya, ia akhirnya menerima Osama Bin Laden yang diketahui

mempunyai hubungan persaudaraan dengan keluarga diraja Saudi. Pentadbiran Reagan menggemari golongan fundamentalis Islam di Afghanistan itu selagi ia memenuhi hasratnya.

Selepas serangan 11 September, Amerika telah memulakan satu amalan baru dengan menggulingkan kerajaan Taliban di Afghanistan melalui campur tangan asing. Walau apa pun sifat kerajaan Taliban atau kerosakan yang dilakukannya terhadap imej Islam, adalah menjadi hak rakyat Afghanistan untuk menentukan masa depan mereka. Penerimaan model Amerika ini dalam pertukaran kerajaan amatlah berbahaya sebab ia boleh membawa kepada pencerobohan negara lain dengan alasan yang samar dan lemah. Ini akan membuat negara Islam lebih terdedah kepada tekanan Amerika untuk kerjasama menentang kepenggunaan. Dan perkara ini sudah pun berlaku apabila Amerika mengisytiharkan peperangan menentang Iraq untuk menggulingkan Saddam Hussein pada 17 Mac lepas atas alasan beliau mendukung kepenggunaan dan membina kemudahan nuklear, walaupun tidak ada bukti yang cukup seperti yang dinyatakan oleh pemeriksa Bangsa-Bangsa Bersatu yang diketuai oleh Hans Blix. Tindakan Amerika Syarikat dengan sekutunya, Britain, itu sudah tentunya mengakibatkan kebencian umat Islam terhadap Amerika lebih meluap.

Sentimen bencikan dasar luar Amerika jelas sekali meningkat sejak 11 September seperti yang terbukti daripada keputusan satu tinjauan di kalangan umat Islam yang kaya dan berpengaruh di rantau Teluk oleh *Wall Street Journal* pada 14 September 2001. Kebanyakan responden menyatakan "Kebencian terhadap dasar Amerika Syarikat yang menyokong keganasan dan jenayah Israel dan menghalang untuk beberapa tahun, persetujuan antarabangsa bagi mencapai penyelesaian diplomatik, sementara mereka memusnahkan masyarakat awam Iraq, menyokong rejim yang kejam dan menindas di sekeliling rantau itu, dan mengenakan sekatan-sekatan ekonomi."²⁷ Bagaimanapun kita perlu ingat bahawa kebencian ini adalah terhadap dasar kerajaan AS dan bukan terhadap rakyat negara itu secara umum. Operasi 'perang menentang kepenggunaan' oleh kerajaan Bush

juga mensasarkan pertubuhan, institusi dan individu Islam. Perang ini mula-mula mensasarkan pertubuhan ekonomi dan amal, diikuti dengan institusi pendidikan dengan alasan bahawa ia membiayai kepenggunaan, atau menggalakkannya, atau mendidik generasi muda mengamalannya. Matlamat pelan Bush ialah untuk 'mengeringkan sumber kepenggunaan', yang sebenarnya memberi Amerika Syarikat laluan penuh kepada sumber kewangan umat Islam dan hak untuk merampas apa sahaja yang ia kehendaki dan meminta ganti rugi daripada orang Arab dan kerajaan mereka bagi mangsa 11 September. Amerika juga memiliki hak untuk mengawal, memantau sehingga menutup program institusi pendidikan Islam di Arab Saudi, Mesir dan Pakistan. Misalnya, baru-baru ini Kumpulan Krisis Antarabangsa (ICG) yang terdiri daripada ahli politik, pemimpin perniagaan dan intelektual terkenal dari seluruh dunia mencadangkan kepada kerajaan Pakistan untuk mengawal madrasah-madrasah dari segi pendaftaran, kurikulum dan sumber kewangan. Kumpulan ini juga menyarankan supaya madrasah yang mempunyai kaitan dengan kumpulan militan yang diharamkan ditutup.²⁸

Amerika juga mengadakan peraturan yang lebih ketat bagi mendapatkan visa untuk memasuki negara itu untuk tujuan perniagaan, pengajian dan lawatan. Dalam beberapa peristiwa pelawat Islam daripada Malaysia pernah ditahan untuk pemeriksaan dan dihantar pulang walaupun mereka mempunyai visa yang sah. Reaksi rasmi Amerika terhadap peristiwa 11 September nampaknya dibuat berdasarkan andaian bahawa umat Islam adalah berbahaya disebabkan agama dan kebudayaan mereka. Ini adalah satu jangkauan yang akan menjadi kenyataan (*self-fulfilling prophesy*). Jika aliran memprofil individu, institusi, organisasi dan negara Islam diteruskan, maka hipotesis Huntington akan dapat disahkan dalam tempoh yang terdekat.

Justeru, tidak hairanlah tindakan dan dasar Amerika ini semakin menambahkan sentimen anti-Amerika di kalangan umat Islam daripada semua latar belakang di seluruh dunia. Kemarahan mereka dimanifestasikan melalui seruan beberapa organisasi di Malaysia,

Arab Saudi dan negara Islam yang lain untuk memboikot barangan keluaran Amerika seperti Coke dan rancangan kedai mereka seperti McDonald dan Kentucky Fried Chicken. Menurut satu tinjauan Gallup pada Disember 2001 dan Januari 2002, majoriti umat Islam di negara Islam mempunyai pandangan yang negatif terhadap Amerika Syarikat sebab mereka yakin bahawa negara itu ganas dan angkuh. Tinjauan ini merangkumi 9,924 penduduk Pakistan, Iran, Indonesia, Turki, Lebanon, Maghribi, Kuwait, Jordan dan Arab Saudi.²⁹

KESIMPULAN: KE ARAH ORDE DUNIA YANG LEBIH AMAN

Tamparan terhadap sesuatu bangsa atau agama selepas sesuatu peristiwa besar pernah berlaku pada masa lampau. Semasa Perang Dunia I, diskriminasi terhadap bangsa Jerman berlaku di Eropah Barat dan di Amerika syarikat, sementara pada Perang Dunia Kedua, Amerika Syarikat memasukkan rakyatnya yang berketurunan Jepun ke kem pertahanan. Oleh itu, tamparan yang berlaku terhadap umat Islam selepas 11 September adalah satu pengalaman yang biasa dan boleh diatasi. Keadaan yang serupa pernah berlaku kepada orang Katolik, Yahudi dan berketurunan Afrika dan kini kepada umat Islam. Tindak balas yang tepat bagi orang Islam Amerika ialah untuk bersatu menyusun barisan dan melawan balik secara politik. Ini bermakna mereka perlu belajar menggunakan media massa khususnya yang ditubuhkan di Amerika Syarikat, yang merupakan penjahat yang paling besar dalam memutar belit imej Islam dan umatnya. Mereka juga perlu menjadi lobi politik yang berkesan. Masyarakat Islam di Amerika boleh juga berperanan menjadi jambatan yang menghubungkan dasar luar Amerika Syarikat dengan dunia Islam.³⁰

Satu penyelesaian terhadap masalah di Timur Tengah hendaklah diusahakan sebab tidak akan wujud keamanan di dunia tanpa penyelesaian ini. Barat seharusnya memikul tanggungjawab ke atas apa yang berlaku di sana. Tetapi sekiranya Amerika tetap di belakang Israel, maka ia tidak akan bimbang tentang apa yang difikirkan oleh

dunia. Ini memberi Israel rasa kekebalan. Penempatan penduduk secara haram yang dilakukan oleh Israel adalah punca kepada keganasan yang dihadapi daripada bangsa Palestin. Amerika Syarikat wajar belajar bahawa ia berkongsi planet ini dengan negara yang mempunyai hak yang sama dan bukan dengan manusia yang inferior. Ini bermakna ia perlulah mengamalkan prinsip demokrasi terhadap kemerdekaan, keadilan dan persamaan di tempat seperti Palestin. Ia tidak seharusnya melindungi kerajaan yang melakukan pembunuhan terhadap rakyatnya sendiri semata-mata untuk mendapatkan minyak. Tidak seharusnya lagi wujud *double standard*, sebab ini adalah penjajahan jenis baru. Amerika seharusnya menggalakkan pertumbuhan demokrasi dalam dunia Islam sebab demokrasi adalah kuasa yang menstabilkan.³¹ Melalui saluran demokratik, pemerintahan oleh parti Islam haruslah dibenarkan. Umat Islam juga boleh memerintah negara moden secara Islam seperti yang ditunjukkan oleh Malaysia, walaupun ia tidak sunyi daripada kelemahan. Barat perlulah lebih bersikap toleran. Terdapat banyak cara seseorang itu boleh menjadi moden, dan umat Islam hendaklah dibenarkan menjadi moden mengikut kriteria mereka sendiri. Jika kerajaan Amerika sanggup untuk menilai semula dirinya, belajar menghormati kerajaan lain, menanggalkan prejudisnya terhadap kerajaan dan umat Islam, berlaku adil dan tidak angkuh dalam menangani dasar luarnya, dan mematuhi nasihat bekas Presiden Clinton untuk membina kumpulan rakan yang berpotensi dan mengemukakan kumpulan pegganas yang berpotensi, maka kebencian terhadap Amerika dan rakyatnya, dan sentimen anti-Amerika akan berkurangan. Tidak cukup dengan memenangi hati pimpinan dunia Islam sahaja. Ia mesti berusaha untuk menawan hati dan akal umat Islam.

Akhirnya, umat Islam sendiri wajar untuk melengkapkan diri dengan ilmu yang sepadu. Mereka perlu cekap dalam ilmu agama yang diseimbangkan dengan ilmu akal supaya dapat menggunakan sumber tabii di sekeliling mereka dan juga memahami insan dan masyarakat. Mereka perlu memahami al-Quran dalam konteks dunia yang semakin global, moden dan berteknologi tinggi dan masyarakat

semakin majmuk. Untuk tujuan ini dunia Islam perlu mengkaji semula sistem pendidikannya dengan mengutamakan pembangunan negara dan insan.

Sistem pendidikan yang baik seharusnya memberi peluang pendidikan samarata bagi semua kanak-kanak, dilengkapipula dengan guru yang terlatih dan mengamalkan kurikulum yang seimbang dan holistik bagi mengelakkan daripada jiwa generasi muda diracuni dengan ketaatan membabi-butu dan indoktrinasi tanpa persoalan. Pendidikan yang luas dan kritis sewajarnya membuka minda dan mengelakkan daripada kelahiran umat Islam yang ekstrem konservatif mahupun radikal. Pandangan bahawa Barat adalah punca segala kejahatan dan umat Islam tidak perlu lihat lebih jauh daripada al-Quran sebab ia syumul dan sudah sempurna haruslah diperbetulkan. Salah faham ini di kalangan yang ekstrem konservatif menjadikan mereka sempit pemikiran dan asyik memandang ke belakang dan bermasalah bila berdepan dengan tentangan moden. Wanita Islam hendaklah diberipendidikan sebab merekalah yang akan mencorakkan generasi akan datang. Perbezaan pendapat akan sentiasa wujud dalam masyarakat Islam dan oleh itu adalah mustahak bagi ulama Islam menghormati satu sama lain, mempunyai sikap terbuka bagi dialog dan perbincangan. Wajar juga diadakan dialog dan perbincangan yang berterusan tentang idea demokrasi, syura, hak awam, hak masyarakat, kebebasan sivil dan perundangan syariaah di kalangan sarjana dan pemimpin kedua-dua peradaban yang besar ini.

RUJUKAN

1. Surah 5: 32, *Al-Quran dan Terjemahan*, Departemen Agama Indonesia.
2. Lihat al-Quran 4:75, "Mengapa kamu tidak mahu berperang di jalan Allah dan (membela) orang-orang yang lemah baik laki-laki, wanita-wanita mahupun anak-anak yang semuanya berdoa: Ya Tuhan kami, keluarlah kami dari negeri ini (Mekah) yang zalim penduduknya dan berilah kami perlindungan dari sisi Engkau, dan berilah kami penolong dari sisi Engkau!"
3. Stephen Kaufman, Poll reveals effect of September 11 on Muslim Americans, USD epartment of State International Information Program, usinfo.state.gov/saislama/060602.htm.

4. On Islam and the post-September 11 World, ucapan mantan Presiden Amerika Syarikat, W. J. Clinton di Majlis Konvokeyen Georgetown University, 7 November 2001.
5. Robert W. Hefner, September 11 and the Struggle for Islam, Esei dalam Social Science Research Council/Selepas Sept. 11, www.ssrc.org/sept11/essays/hefner_text_only.htm
6. *The New Straits Times*, 15 Ogos 2002.
7. Ini adalah beberapa daripada soalan yang dikenal pasti oleh Karen Armstrong dalam syarahannya. Wawancara dengan Karen Armstrong Julai 2002, diterbitkan dalam *Al-Abram* Isu No. 593, Cairo.
8. Wawancara dengan Karen Armstrong Julai 2002, diterbitkan dalam *Al-Abram* Isu No. 593, Cairo.
9. Samuel Huntington, *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order* (New York: Simon and Schuster, 1996), 2.
10. Abdullah Ahmad dalam ucapan di Seminar 'Islam in America and Europe' di Institut Diplomasi dan Perhubungan Luar, Kuala Lumpur, *New Straits Times*, 15 Ogos 2002.
11. Dipetik dari Rached al-Ghannouchi, The Islamic Movement after September the 11th 2001. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Islamic Politics: Democracy and the Civil Society, ABIM, Kuala Terengganu, 7-8 Sept. 2002.
12. Lihat Edward Said, *Covering Islam* (New York: Pantheon Books, 1981) dipetik dari Muzaffar, Whose Terrorism dalam F.A. Noor, *Terrorising the Truth: The Shaping of Contemporary Images of Islam and Muslims in Media, Politics and Culture* (Penang: Just World Trust, 1997).
13. Fuller, Looking for Sociology after 11 September, www.socresonline.org.uk
14. *Newsweek*, 24 Disember 2001.
15. Semua 13 orang dalam kumpulan pertama yang disyaki anggota Kumpulan Militer Malaysia dan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) antara 9 Dis. 2001, dan 3 Jan. 2002 telah dihantar ke Pusat Tahanan Kamunting untuk selama dua tahun, lihat *The New Straits Times*, 15 Mac 2002. Menurut Suaram, sejumlah 42 orang telah ditahan bawah ISA kerana disyaki terlibat dengan KMM pada 2002. Lihat Suaram, Civil and Political Rights in Malaysia, *Executive Summary 2002*, p.2.
16. Hefner, lihat juga Eickelman, Dale F. dan James Piscatori, *Muslim Politics* (Princeton: Princeton University Press, 1996), 5; dipetik dalam Hefner, September 11 and the Struggle for Islam.
17. Lihat Youssef M. Choueiri, *Islamic fundamentalism rev. ed.* (London: Pinter, 1997); Ahmad S. Moussali, *Moderate and Radical Islamic Fundamentalism: the Quest for Modernity, Legitimacy and Islamic State* (Gainesville: University of Florida Press, 1999).

18. John L. Esposito, *The Islamic Threat: Myth or Reality?* (New York: Oxford University Press, 1992), 178. Petikan dalam bahasa Inggris: The predominant picture presented is that of radicalized, marginalized, and often violent revolutionaries, traditional in dress and at war with modernity. The reader never learns that the majority of so-called fundamentalist organizations are urban-based and led by well-educated leaders who attract students and followers and are well placed in the professions (engineering, science, medicine, law, education and the military), or that they provide social and medical services and have functioned effectively within the political system.
19. Lihat David R. Loy, *The West Against the Rest? A Buddhist response to the 'clash of civilization'* (tanpa tarikh).
20. Wawancara dengan Karen Armstrong, Julai 2002.
21. Don Hill, Saudi Arabia: An ancient ritual, this year's hajj wore a modern face, *Radio Free Europe/Radio Liberty*, Inc. 26 Februari 2002. www.religioscope.com/info/notes/2002_024_hajj.htm.
22. Wujudnya imej seperti inilah yang menyebabkan sebahagian anggota masyarakat Amerika dan Barat bertindak sebagaimana yang berlaku selepas kejadian pengeboman Oklahoma City pada April 1995 dan serangan ke atas World Trade Centers dan Pentagon pada 11 September 2001, walaupun belum terdapat sebarang bukti. Lihat Chandra Muzaffar, *Whose terrorism*, dipetik dalam F.A. Noor, *Terrorising the Truth*, 81.
23. *Ibid.*, 82.
24. Bahwasanya Amerika boleh menggulingkan sebuah kerajaan 7,000 batu jauhnya dalam tempoh tiga bulan melalui serangan udara dan melibatkan bilangan mangsa perang yang kecil - satu kelebihan yang tidak dapat dilakukan oleh negara lain dan belum pernah dilakukan tercatat dalam Fareed Zakaria, *America and the World: The New Rules of Engagement*, *Newsweek*, 31 Disember 2001-7 Januari 2002.
25. Tariq Modood, *Muslims in the West: A Positive Asset*, Esri Social Science Research Council/Selepas 11 Sept. www.ssrc.org/sept11/essays/modood_text_omby.htm
26. Noam Chomsky dalam wawancara dengan Radio B-29, Belgrade pada 19 September 2001 dalam www.b92.net/interju/eng/2001/0919-chomsky.php. Lihat juga, Lisa Beyer, *Osama's Endgame*, *Newsweek*, 15 Oktober 2001 di mana beliau menegaskan bahawa matlamat Osama ialah untuk mengusir AS daripada Arab Saudi dan menghentikan AS daripada pencerobohan ke atas umat Islam di seluruh dunia.
27. Noam Chomsky dalam wawancara dengan Radio B-29 Belgrade. Tinjauan ini juga dipetik daripada wawancara itu.
28. International Crisis Group, Pakistan: Madrasas, extremism and the military. *Asia Report* No. 36, 29 Julai 2002. ICG adalah organisasi multinasional yang komited kepada usaha untuk menguatkan keupayaan masyarakat antarabangsa meramalkan, memahami dan bertindak mencegah konflik.
29. *The New Straits Times*, 28 Februari 2002.

30. Pandangan Zahid H. Bukhari, felo di School of Foreign Services Centre for Muslim-Christian Understanding di Georgetown University sebagaimana dilaporkan dalam *The New Straits Times*, 15 Ogos 2002.
31. Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia menyalahkan rejim negara Islam yang amat mencengkam atas kelahiran seseorang seperti Osama Bin Laden. Beliau berpendapat bahawa Osama dan pengikutnya produk yang lahir daripada jiwa yang berputus asa dan terdesak, yang muncul dari negara di mana perjuangan politik menerusi saluran aman tidak mempunyai harapan. Manusia memerlukan ruang untuk melahirkan keprihatinan politik dan sosial tetapi pemerintahan yang mengongkong tidak meninggalkan ruang bagi pertumbuhan masyarakat sivil. Lihat 'Viewpoint' dalam *Newsweek* 15 Oktober 2001.